

Kementerian cadang lanjut tempoh jawatan Ahli Majlis sehingga 5 tahun

BH ONLINE | Isnin, 14 Oktober 2019 | 5:01pm



Zuraida berkata, ketika ini jawatan Ahli Majlis di semua PBT adalah tidak seragam, membabitkan tempoh jawatan antara setahun dan dua tahun. - NSTP/Mikail Ong

GEORGETOWN: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang mengkaji untuk melanjutkan tempoh jawatan Ahli Majlis sehingga lima tahun, mengikut penggal Pilihan Raya Umum (PRU), seperti pemimpin politik.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin, berkata ketika ini jawatan Ahli Majlis di semua pihak berkuasa tempatan (PBT) adalah tidak seragam, membabitkan tempoh jawatan antara setahun dan dua tahun.

Beliau berpendapat, pelaksanaan mengikut tempoh penggal PRU akan memastikan Ahli Majlis terbabit dapat bekerja dengan lebih baik kepada masyarakat, sekali gus menjamin perkhidmatan cemerlang PBT.

“Cadangan ini dibuat kerana kita mahu pastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan Ahli Majlis ada kesinambungan. Kalau kita terus bertukar, ia tidak menjamin pengetahuan, ilmu, dan pengalaman mereka.

“Saya juga harap ia tidak bergantung kepada lantikan politik semata-mata, tetapi Ahli Majlis ini mestilah mereka yang boleh berkhidmat kepada rakyat dan faham kepada prosedur PBT bagi memantapkan perkhidmatan PBT,” katanya pada sidang media di sini, hari ini.